

**BR1M, KR1M Dan Rm100 Beri Manfaat Langsung Kepada Rakyat  
Bernama  
18 Januari, 2012  
Oleh Mohd Hisham Abdul Rafar**

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Biarpun Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebanyak RM500 hanya bayaran sekali, namun langkah itu membuka lembaran baru dan bersejarah dalam konteks keprihatinan kerajaan mengikut pandangan rakyat.

Rata-rata penerima BR1M termasuk Dahlan Ibrahim, 66, berkata seingat beliau kerajaan tidak pernah membuktikan keprihatinan kepada rakyat dengan cara sedemikian rupa.

"Inilah bukti kasih sayang kerajaan yang prihatin. Tak pilih kasih nak bagi bantuan RM500 dan syarat yang diberi pun senang. Janji pendapatan tak lebih RM3,000," katanya ketika ditemui Bernama di Kampung Parit Sungai Dungun, Bagan Serai, Perak.

Dahlan yang juga ketua kampung itu, berkata bagi penduduk kampung sepertinya yang bekerja sebagai petani, tiada yang boleh dibanggakan jika kerajaan hanya mengumumkan projek mega yang tidak ada kaitan langsung dengan kehidupan mereka.

Malah pembinaan kompleks membeli-belah yang gah juga tidak bermakna kerana golongan petani sepertinya tidak mampu berbelanja di situ, kata Dahlan.

"Jika kerajaan umumkan bantuan seperti ini, lainlah ceritanya. Sudah tentu manfaatnya secara langsung kami perolehi. Ringan beban kewangan kami," katanya yang juga gembira apabila mengetahui kewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).

Di Perak, KR1M baru ditubuhkan di Bidor, Teluk Intan serta Manjoi di Ipoh, dan akan diperbanyakkan lagi bagi menjual barangan keperluan pada harga istimewa yang jauh lebih rendah berbanding kedai biasa.

Pandangan Dahlan disokong rakan-rakannya yang mahu dikenali sebagai Pakcik Isa, Pakcik Man dan Pakcik Bakar yang masing-masing mahu menggunakan sebahagian wang itu membeli sepasang baju Melayu dan sehelai dua kain pelikat untuk solat sebagai tanda kesyukuran.

"Pemberian ini mesti kami syukuri kerana jumlahnya besar bagi petani seperti kami. Kami akan doakan supaya kerajaan (Perdana Menteri) Datuk Seri Najib (Tun Razak) terus memerintah," kata Pakcik Isa.

Mereka adalah sebahagian daripada 5.2 juta isi rumah atau 79.5 peratus daripada keseluruhan isi rumah di negara ini, yang dijangka mendapat manfaat BR1M melibatkan peruntukan RM2.6 bilion.

BR1M, KR1M dan bantuan persekolahan RM100 setiap murid menjadi antara tajuk hangat perbualan masyarakat kampung yang dikunjungi anggota dewan undangan negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) yang terlibat dalam program pemukiman Kelab ADUN Barisan Nasional di negeri itu dari 12 hingga 14 Jan lepas.

Seramai 135 anggota kelab dari seluruh negara diselerakkan di lapan kawasan parlimen di Perak dan diwajibkan mengunjungi 20 rumah di setiap kampung yang dilawati bagi memberi penjelasan mengenai dasar kerajaan dan juga mengenal pasti masalah penduduk.

Peluang bertemu wakil rakyat sekalipun bukan dari kawasan sendiri, tidak disia-siakan penduduk yang mahu ADUN terbabit menyampaikan rasa penghargaan mereka kepada Perdana Menteri atas pelbagai bantuan yang diberi kerajaan.

Mengakui penduduk sepertinya tidak pernah membenci kerajaan BN, Dahlan berkata yang tidak digemari rakyat ialah segelintir pihak tertentu yang "menggelapkan" wang peruntukan bagi sesebuah kampung untuk kepentingan peribadi.

"Datuk Najib dan Menteri Besar boleh melaksanakan pelbagai program yang sebaik BR1M dan KR1M ini, tetapi mestilah juga menghapuskan pihak-pihak yang menyeleweng ini. Jangan kerana mereka yang segelintir, kerajaan yang sudah bekerja sehabis baik pula tak dapat undi," katanya.

Menyokong kenyataan Dahlan, bekas ketua kampung itu Mat Isa Saman, 82, berkata bantuan kerajaan BN juga telah membuka mata mereka yang selama ini penyokong tegar pembangkang.

Katanya di kampung itu dianggarkan kira-kira 20 peratus pengundi adalah golongan atas pagar, manakala 10 peratus menyokong pembangkang dan selebihnya penyokong setia kerajaan BN.

Isa berkata banyak juga penyokong pembangkang yang berduyun-duyun mendapatkan borang hendak mendapatkan bantuan BR1M dan wang RM100 bantuan persekolahan anak-anak.

"Tak apalah mereka nak juga sebab mereka pun rakyat kita juga. Kerajaan Datuk Najib pun tak pilih kasih. Tapi mereka janganlah terus menerus memburukkan kerajaan yang menyuapkan nasi ke mulut mereka," katanya.

Kata Mat Isa, hakikat bahawa penyokong pembangkang tidak dipinggirkan daripada bantuan yang diberi kerajaan BN termasuk subsidi baja serta racun sedikit sebanyak 'membuka' mata mereka akan kebaikan kerajaan BN.

Sementara itu, ADUN Sindumin dari Sabah, Ahmad Bujang berkata menerusi pemukiman tersebut beliau dapat melihat sendiri penerimaan baik rakyat terhadap bantuan yang dihulur kerajaan BN.

"Kerajaan BN adalah kerajaan yang prihatin. Apa yang rakyat minta, kecuali bulan dan matahari, akan cuba dipenuhi sebaik-baiknya. Cuma rakyat juga perlu tahu bahawa tidak semua permohonan dapat dipenuhi dalam satu masa atau masa yang singkat kerana perlu perancangan menyeluruh dan kedudukan kewangan yang cukup," katanya.

"Janji BN adalah janji yang ditunaikan, dikotakan. Bukan seperti janji pembangkang yang hanya tinggal janji," katanya, yang menjadi anak angkat Mat Isa pada program pemukiman itu yang dianggap sebagai program 'sentuhan kasih' antara rakyat dan pemimpin.

Dengan perhatian khusus 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', seperti yang dikotakan melalui BR1M, yang disokong pula dengan sentuhan kasih projek pemukiman

ADUN BN di kawasan itu, tidak ada sebab bagi penduduk Kampung Parit Sungai Dungun untuk tidak terus menyokong kerajaan BN.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640898>